

Selasa, 19 Mei 2020 | 6:04pm



Pengguna diminta buat aduan jika bekalan kurang atau harga ayam naik. - Foto hiasan

## Harga ayam naik, KPDNHEP Johor keluar 55 notis

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**JOHOR BAHRU:** Sejumlah 55 Notis Pengesahan Maklumat dikeluarkan kepada peniaga ayam di Johor bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenaikan harga jualan ayam setakat kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan, berkata notis itu dikeluarkan oleh 200 penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Johor dalam pemeriksaan khas terhadap barang keperluan asas yang dilancarkan serentak di seluruh negeri bermula 18 Mac lalu.

"Sehingga Ahad lalu, sebanyak 4,008 premis sudah diperiksa merangkumi 3,486 peruncit, 397 pemborong dan 125 pengilang.

"Daripada itu, sebanyak 55 Notis Pengesahan Maklumat dikeluarkan kepada peniaga ayam bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenaikan harga jualan ayam di Johor sejak Ahad lalu.

"Sekiranya peniaga sengaja atau gagal menunjukkan bukti munasabah kenaikan harga adalah disebabkan peningkatan dalam kos, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Vidyananthan berkata, penguat kuasa KPDNHEP Johor menjalankan pemeriksaan secara proaktif ke atas semua peniaga dan penjual ayam di peringkat pemborong serta peruncit apabila berlaku kenaikan harga bagi mengekang pencatutan harga di pelbagai peringkat.

Pengguna di negeri ini boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan kekurangan bekalan atau kenaikan harga secara tidak munasabah sepanjang tempoh PKPB kepada portal e-aduan.kpdnhep (<https://eaduan.kpdnhep.gov.my>), talian 1-800- 886-800, emel e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP (aplikasi telefon pintar), Pusat Arahan Penguatkuasaan di talian 03-88826088/6245) dan WhatsApp 019-2794317.

Beliau berkata, sebanyak 77 notis penutupan dikeluarkan terhadap premis perniagaan yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei lalu.

Katanya, penutupan premis berkenaan mengikut Seksyen 18(1)(f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 kerana kerana tidak mengamalkan langkah kawalan dan pencegahan seperti penjarakan sosial dan pemantauan saringan kesihatan di pintu masuk premis.

"Sebanyak 5,253 premis perniagaan diperiksa di negeri ini dengan 77 notis penutupan dikeluarkan kepada premis yang ingkar SOP sehingga kelmarin.

"Pada masa sama, sebanyak 373 notis amaran dikeluarkan kerana gagal mematuhi SOP ditetapkan kerajaan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/690729/harga-ayam-naik-kpdnhep-johor-keluar-55-notis>